

KENYATAAN MEDIA • 17 APRIL 2020

Keputusan semua Kementerian perlu berdasarkan pandangan Pakar Kesihatan

Gabungan Kesihatan Malaysia (MHC) menyokong keputusan kerajaan bagi memastikan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terus konsisten seperti penutupan kedai gunting rambut, salon kecantikan dan penangguhan semua bazar Ramadan tahun ini. Langkah-langkah ini mungkin mengecewakan ramai rakyat Malaysia dan menjejaskan perniagaan-perniagaan kecil. Namun, kami yakin ini adalah keputusan terbaik untuk membendung penularan Covid-19 di negara kita.

Kami menggesa kerajaan untuk mendapatkan input daripada pakar-pakar perubatan, kesihatan dan kesihatan awam dalam setiap keputusan berkaitan krisis Covid-19 di Malaysia. Beberapa keputusan dalam Fasa Ketiga PKP dibuat tanpa perbincangan bersama pakar-pakar relevan, dan perkara ini amat dikesali

Kami menggesa kerajaan untuk mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

1. **Penyelarasan bersepadu antara Kementerian Kesihatan dan pakar kesihatan:**
Semua keputusan yang diambil oleh kementerian-kementerian lain dan agensi berkaitan pembukaan semula aktiviti ekonomi dan komuniti mengikut peringkat, harus diputuskan bersama KKM dan pakar kesihatan yang berkaitan dan bukan dilakukan oleh satu pihak sahaja.
2. **Strategi Menamatkan PKP:**
Kerajaan perlu menyediakan strategi untuk pasca-PKP. Keputusan ini perlu dibuat berpandukan nasihat daripada pakar-pakar perubatan dan kesihatan awam. Kami mencadangkan agar garis panduan sistem berasaskan zon mengikut kod warna diperkenalkan, di mana tahap kawalan sekatan untuk penduduk dan perniagaan di zon "hijau" lebih longgar berbanding zon "kuning" dan "merah"
3. **Prosedur pembasmian kuman di tempat awam:**
Usaha sanitasi dan pembasmian kuman berskala besar perlu dilakukan mengikut prosedur yang berdasarkan bukti saintifik. Pembasmian kuman menerusi kaedah yang tidak terbukti, seperti terowong pembasmian kuman, boleh menimbulkan risiko kesihatan yang berbeza
4. **Perhimpunan perayaan kebudayaan dan keagamaan:**
Kerajaan harus bekerjasama dengan pihak berkuasa agama, KKM dan pihak berkuasa tempatan bagi mengadaptasi perayaan keagamaan dan tradisi yang akan datang, untuk mengelakkan sebarang bentuk perhimpunan yang boleh mengakibatkan penularan Covid-19.

Kami memahami bahawa segala keputusan yang dibuat oleh kerajaan adalah untuk kepentingan rakyat. Kami yakin, kerjasama yang lebih erat antara KKM, Majlis Keselamatan Negara dan semua Kementerian lain, akan memastikan pendekatan yang lebih jitu, konsisten dan berdasarkan bukti yang jelas untuk melawan Covid-19.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Malaysian Health Coalition

44 Persatuan & 16 Individu

Senarai penuh di myhealthcoalition.org.

17 April 2020